

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HKT 202 Kritikan Sastera

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam TUJUH (7) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, sekurang-kurangnya SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGAN A

1. Bagaimanakah dapat anda kategorikan teori-teori kritikan yang tumbuh sejak Plato hingga ke masa kini? Huraikan sifat-sifat bagi setiap kategori ini dengan memberikan contoh-contoh yang jelas tentang penekanan setiap kategori yang berkaitan.
2. Menurut Sigmund Freud hasil-hasil karya sastera merupakan sublimasi daripada kehidupan bawah sedar pengarang-pengarangnya yang disembunyikan secara halus oleh penulis-penulisnya di dalam berbagai bentuk keindahan. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan kenyataan di atas.
3. Di dalam sejarah teori kritikan Carl G. Jung telah menyumbang teori tipainduk, iaitu satu teori yang bersifat psikologi. Sejauh manakah teori Jung ini telah lari daripada pandangan Sigmund Freud? Huraikan keistimewaan dan kegunaan teori tipainduk ini.

BAHAGIAN B

4. Dengan menggunakan skema berajah tunjukkan dan huraikan bahawa kritikan dari kacamata Islam tidak dapat diletakkan di bawah mana-mana teori Barat. Tunjukkan dengan jelas dan meyakinkan bahawa gagasan yang anda kemukakan itu adalah sendirinya sistematis.
5. Sebahagian besar daripada tulisan berupa kritikan sastera di Malaysia adalah bersifat formalistik dan sosiologikal. Bicarakan sifat-sifat salah satu daripada pendekatan-pendekatan yang diamalkan di Malaysia.

BAHAGIAN C

6. Pilih salah sebuah daripada sajak-sajak yang dilampirkan dan buat satu kritikan mengenainya. Jelaskan apakah pendekatan yang anda gunakan bagi kritikan anda.
7. Apakah fungsi ilmu bantu di dalam kritikan. Jelaskan bagaimana anda boleh memanfaatkan ilmu bantu tertentu di dalam kerja kritikan. Apa pula bahaya daripada ilmu bantu itu? Pilih sebuah novel yang khusus bagi menjawab soalan ini.
8. Buat satu ulasan yang kritis terhadap salah satu (1) daripada karya-karya di bawah ini. Di manakah letaknya kedudukan pengetahuan mengenai genre di dalam membuat kritikan mengenainya?
  - (a) "Mereka Tidak Mengerti" cerpen Keris Mas
  - (b) Hikayat Nur Muhammad sebuah hikayat bercorak Islam
  - (c) "Uda dan Dara" sebuah cerpen Usman Awang.

.../LAMPIRAN

.../3

LAMPIRAN

SUNGAI MEKONG

1

sungai mekong  
kupilih namamu  
kerana aku begitu sepi  
kan kubenamkan dadaku  
ke dasarmu  
kakikananku ke bulan  
kakikiriku ke matari  
kan kuhanyutkan hatiku  
ke kalimu  
namaku ke muara  
suaraku ke gunung

2

sungai mekong  
nafasmu begitu tenang  
lenggangmu begitu lapang  
di tebingmu  
ada ibu bersuara sayu  
mencari suara puteranya yang hilang  
waktu ia merebahkan wajahnya  
ke wajahmu  
kau masih bisa senyum senang

3

sungai mekong  
akhirilah tarisiang riakmu  
kulihat di dasarmu  
kuntum-kuntum berdarah  
batu-batu luka  
malam ini  
ribut dari utara akan tiba  
tebingmu akan pecah  
airmu akan merah  
dan arusmu akan lebih keras  
dari niagara

vientiane  
1 Feb. 66

SIDANG RUH

I

perlu satusatu diperhitungkan kembali  
hari ini kita dewasa  
tanpa tuhan tanpa impian  
karena besok mungkin terlalu lewat  
bagi kiamat yang telah ditangguhkan.

bukan aku sinis  
kau jangan mengatheis  
beritaku dari mereka yang lupa bagaimana untuk hidup

maka demikian perlu katakata  
supaya maut kita jangan karena bisu.

kalau kau percaya kepada manusia sejahtera  
jangan kau bergembira menurut hukum  
(karena kemenangan)  
kalau kau percaya kepada manusia bebas  
jangan kau berkata menurut hukum  
(karena taatsetia)  
karena tidak ada hukum yang akan berlaku  
(namun digubal dalam pi bi bi)  
yang tidak berperlembagaan di hati.

II

sudah datang berita yang paling kejam  
bagi mereka yang lagi hidup karena bisa berharap  
dunia ini penjara  
nasi kita akan cukup di syorga.  
diatas belakang Dajjal  
telah diperdagangkan hidup  
gelak dan hilai bukan karena bahagia  
gelak dan hilai karena papa.

akan bersidang segala ruh  
anakmu hari ini makan apa  
nasi atau beer  
ketawanya palsu tangisnya tanpa suara.

III

nanti akan padamlah dengan sendirinya  
lampu dari menara tinggi  
karena di bawahnya orang kian mabuk  
dan Tuhan sudah mati.

Petaling Jaya  
Ogos 1960

CERETERA YANG KESEPULUH

"Kata sahibul hikayat, ada beberapa lama antaranya, maka datanglah todak menyerang Singapura...."

i

dengan perlahan atau serentak  
balasan tiba juga,  
nyawa disukat nyawa,  
kecelakaan dengan perit  
kematian dengan alir darah,  
waktu berukur  
sejarah kita bundar.

keadilan mencari alur penyempurnaannya,  
walaupun melalui sesak zaman,  
tahun mewah, pekan besar,  
dan lupa yang menetap di antaranya.  
semuanya berbayar.  
raja yang zalim  
dihuruharakan negerinya,  
rakyat yang dipasak di pasir  
mati di lopak  
menanggung keangkuhan raja.  
tiap hamba yang jatuh di pantai  
merebahkan tuannya.

semuanya, alam dan makhluk penghuni  
dengan perlahan atau serentak  
melalui tanjung sempit hukum hidup.

ii

"Tuanku, budak ini terlalu sekali besar akal nya  
Sedang ia budak lagi demikian, jikalau ia besar berapa  
lagi banyak akal nya? Baiklah ia kita bunuh."

inilah penyelesaiannya tuanku;  
budak kecil tempatnya di depan rehal  
bukan tegak di pasir, mempersoal  
buruk-baik urusan istana.

perkiraan nya akan terus besar,  
dan perkiraan adalah permulaan kuasa,  
istana dan singgahsana tuanku  
akan goyang dengan ribut kepintarannya,  
negeri kita sudah sempurna, tuanku,  
hulubalang dan orang kaya

menjaga lembah dan anak sungai,  
hutan dan air.  
adat kita adil,  
membahagi kuasa dan hak  
mengaturkan pangkat di puncak dan di akar  
istiadat mendaulatkan segalanya.

negeri tuanku luas,  
dengan adat dan istiadat,  
bukan akal budak  
anak nelayan beduk.

iii

"Adapun tatkala budak itu dibunuh, maka hak rasanya  
ditanggungnya di atas negeri Singapura."

hang nadim: aku menyatakan apa yang tumbuh di fikiran.  
kata ayah sendiri kita mesti selalu bergerak  
di alur akal,  
berbahasa lurus  
dan berbuat yang benar.

kata ayah,  
aku selalu harus berani berkata  
itu lebih jantan  
dari jadi pahlawan,  
kerana berani berfikir itu  
berani berbeza dari orang tua  
dan pemegang panji-panji kuasa.

ayat: peganglah tanganku, nadim  
aku akan pergi bersama  
kau, anakku,  
dan anak kepada kepercayaanku.

suaramu datang pada telinga  
yang belum mendengar kebenaran  
mereka tidak biasa dengan kepintaran.

biarkan katamu  
pecah di pendengaran mereka,  
membuat mereka mula berbicara  
dengan suara lain,  
sedarkan akan wujudnya  
manusia di luar istana.

tiap titik darah kita  
akan dibayar dengan sejarah,  
yang akan tau padahnya.

negeri ini juga akan  
menanggung dosa rajanya,  
singapura akan hapus  
dengan kebodohnya.

pegang tanganku, nadim,  
ini juga negeri kita.

-oooOOOooo-